

Jenis Akhbar : Mingguan Malaysia

Tarikh : 19/02/2017

Edisi / Muka Surat : Nasional / 21

MINGGUAN MALAYSIA • AHAD 19 FEBRUARI 2017

M/L 21.

Ibu bapa digesa bantu koperasi sekolah

KUALA LUMPUR 18 Feb. - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menggesa golongan ibu bapa melibatkan diri secara aktif dalam koperasi sekolah bagi meningkatkan perniagaannya.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah (**gambar**) berkata, ia boleh dilakukan dengan menambahkan jumlah saham koperasi sekolah.

"Puratanya, setiap individu (ibu bapa) melabur di koperasi sekolah RM10, kalau dapat ditingkatkan jumlah itu (kepada) RM100 maka (ia memberi) impak besar kepada senario perniagaan koperasi sekolah," katanya.

Beliau berkata, demikian kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah Menengah Kebangsaan Kelana Jaya dan koperasi baharu sekolah itu di sini, hari ini.

Pada masa sama, Abdul Fattah mahu setiap koperasi sekolah merangka strategi menyediakan barang keperluan komuniti bagi menggalakkan penglibatan ibu bapa.

"Ketika ini, ada sebanyak 500 koperasi sekolah yang menjual barang runcit harian seperti gula, tepung dan beras yang boleh dibeli tanpa perlu ke kedai atau pasar raya.

"Secara tidak langsung, keuntungan hasil perniagaan koperasi sekolah itu dapat disalurkan semula dalam menjayakan kegiatan pelajar selain menjadi platform untuk mereka mempelajari kemahiran keusahawanan," katanya. - BERNAMA

